

KUTIPAN DUTI KASTAM BAGI KENDERAAN IMPORT DI PULAU BEBAS CUKAI

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kementerian Kewangan**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Taksiran Duti Kastam bagi kenderaan import yang dibawa keluar dari Pulau Bebas Cukai (PBC) ke Kawasan Utama Kastam (KUK) yang dilaksanakan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Langkawi dan Labuan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menentukan sama ada kutipan duti kastam, iaitu duti import, duti eksais dan cukai jualan import bagi kenderaan import yang dibawa keluar dari PBC ke KUK telah dilaksanakan dengan betul dan teratur.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, terdapat kelemahan dalam kutipan duti kastam bagi kenderaan import di PBC. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - duti kastam berjumlah RM72.32 juta terkurang kutip disebabkan perkara berikut:
 - syarat pemastautin dan pemilikan kenderaan tidak dipatuhi; dan
 - pengiraan duti eksais yang tidak tepat.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - membuat semakan semula terhadap syarat-syarat pembelian kenderaan di PBC;
 - memastikan garis panduan yang dikeluarkan dipatuhi terutamanya semasa membuat penilaian taksiran manakala Bahagian Perkastaman hendaklah menjalankan pengauditan selepas pelepasan barang import;

- Ketua Jabatan hendaklah memastikan supaya pegawai di bawah seliaannya melaksanakan tugas dengan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa; dan
- menambah baik peraturan yang berkaitan untuk memastikan keseragaman dalam membuat penilaian ke atas kenderaan motor pasang siap yang dibawa keluar dari PBC ke KUK untuk mencegah daripada ketirisan hasil negara.